



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PERSEPSI PELAJAR SAINS SUKAN SMK KIDURONG BINTULU, SARAWAK
TERHADAP FAKTOR KEKANGAN PELAKSANAAN DASAR 1 MURID 1 SUKAN DI
SEKOLAH

RAHULL LIANG ANAK HENRY SIBAT



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

i

**PERSEPSI PELAJAR SAINS SUKAN SMK KIDURONG BINTULU, SARAWAK
TERHADAP FAKTOR KEKANGAN PELAKSANAAN DASAR 1 MURID 1 SUKAN DI
SEKOLAH**

RAHULL LIANG ANAK HENRY SIBAT



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**LAPORAN TAHUN AKHIR INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA SAINS SUKAN (SAINS
KEJURULATIHAN) DENGAN KEPUJIAN**

FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa penulisan ini adalah hasil karya saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan di mana setiap satunya telah dijelaskan dengan sumber rujukan.

.....



(RAHULL LIANG ANAK HENRY SIBAT)

D201920292000

.....

(TARIKH)





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

iii

PENGESAHAN

Penulisan ilmiah ini telah diterima dan diluluskan untuk memenuhi syarat kursus Projek Tahun Akhir (QCR 3996) bagi memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan (Sains Kejurulatihan) dengan kepujian.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
(DR. JAFFRY BIN ZAKARIA)

PustakaTBainun



ptbupsi

Penyelia Kursus

QCR 3996 – Projek Tahun Akhir

.....
(TARIKH)



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Pertama sekali, saya ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada tuhan atas limpah kurniaNya kerana diberi peluang untuk menyelesaikan Projek Tahun Akhir ini. Ucapan syukur juga kepada tuhan atas segala nikmat yang diberikan kepada saya tanpa henti. Tanpa KeredhaaNya tidak lah mampu saya menjalankan tugas ini walau sedikit pun.

Seterusnya, saya ingin mengucapkan sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penyelia saya, Dr. Jaffry Bin Zakaria atas bimbingan, tunjuk ajar, panduan dan motivasi kepada saya sepanjang tempoh saya menyiapkan projek tahun akhir ini. Tanpa bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan oleh beliau sudah tentu saya tidak dapat menyiapkan projek tahun akhir ini.

Ucapan terima kasih juga saya tujuhan kepada pensyarah kursus Dr. Ali Bin Nadzalan yang sudi memantau perjalanan tugas saya di universiti ini serta memberi sedikit sebanyak bimbingan dan nasihat untuk meneruskan tugas. Saya juga turut mendedikasikan penghargaan ini kepada semua rakan seperjuangan saya khususnya pelajar Sains Sukan SMK Kidurong Bintulu, Sarawak atas kerjasama yang diberikan dalam mendapatkan persepsi melalui kajian soal selidik untuk melengkapkan projek tahun akhir ini.

Akhir sekali, penghargaan ini juga saya tujuhan khas buat keluarga tercinta yang sentiasa menjadi tulang belakang saya untuk menyokong dan membantu saya dalam menyelesaikan tugas ini. Tidak lupa juga kepada ibu dan ayah saya yang banyak memberi semangat dan dorongan kepada saya sepanjang bergelar pelajar. Iringan dan doa yang tidak henti yang diberikan menjadi kekuatan pada diri saya untuk meneruskan perjuangan dalam menuntut pembelajaran di sini.





Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk meninjau persepsi pelajar Sains Sukan SMK Kidurong Bintulu, Sarawak terhadap faktorkekangan pelaksanaan Dasar 1 Murid 1 Sukan di sekolah. Dua pemboleh ubah digunakan dalam mengenal pasti faktorkekangan iaitu faktorkekangan ibu bapa dan faktorkekangan persekitaran sekolah yang mempengaruhi pelaksanaan Dasar 1 Murid 1 Sukan. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat perbandingan diantara dua pemboleh ubah tersebut. Seramai 52 orang pelajar daripada pelajar Sains Sukan SMK Kidurong Bintulu, Sarawak telah diambil sebagai subjek kajian. Pendekatan kajian adalah secara kuantitatif dengan menggunakan perisian SPSS versi 23 untuk menganalisis data deskriptif. Borang soal selidik digunakan bagi tujuan untuk mengutip data kajian sebelum dianalisis secara deskriptif bagi menjelaskan persepsi pelajar Sains Sukan SMK Kidurong Bintulu, Sarawak terhadap faktorkekangan pelaksanaan Dasar 1 Murid 1 Sukan di sekolah. Ujian t tidak bersandar dan ujian korelasi Pearson turut digunakan dalam melihat perbandingan serta hubungan diantara dua pemboleh ubah kajian iaitu faktorkekangan ibu bapa dan faktorkekangan persekitaran. Hasil kajian menunjukkan bahawa faktorkekangan persekitaran lebih mempengaruhi pelaksanaan Dasar 1 Murid 1 Sukan di sekolah dengan skor min pada tahap yang tinggi ($M=3.99$, $SD=1.016$) berbanding faktorkekangan ibu bapa mempunyai skor min yang rendah ($M=2.51$, $SD=0.973$). Dapatkan ini membuktikan bahawa suasana pelaksanaan Dasar 1 Murid 1 Sukan di sekolah banyak terganggu daripada suasana persekitaran sekeliling sekolah. Manakala, tahap kesedaran ibu bapa dalam membimbing anak-anak untuk mengikuti program Dasar 1 Murid 1 Sukan adalah berada pada tahap yang baik.



PERCEPTION OF SPORT SCIENCE STUDENT OF SMK KIDURONG BINTULU, SARAWAK ON THE CONSTRAINT FACTOR OF THE IMPLEMENTATION I STUDENT 1 SPORT POLICY IN SCHOOL

Abstract

This study aims to survey the perception of Sports Science students of SMK Kidurong Bintulu, Sarawak on the factors that constrain the implementation of the 1 Student 1 Sport Policy in the school. Two variables are used to identify the constraint factors, namely the parent constraint factor and the school environment constraint factor that affect the implementation of the 1 Student 1 Sport Policy. This study also aims to see a comparison between the two variables. A total of 52 students from Sports Science students of SMK Kidurong Bintulu, Sarawak were taken as study subjects. The research approach is quantitative by using SPSS version 23 software to analyze descriptive data. A questionnaire was used for the purpose of collecting research data before being analyzed descriptively to explain the perception of Sports Science students of SMK Kidurong Bintulu, Sarawak on the factors that constrain the implementation of the 1 Student 1 Sport Policy in the school. Independent t-test and Pearson's correlation test were also used to see the comparison and relationship between the two research variables, namely the parental constraint factor and the environmental constraint factor. The results of the study show that environmental constraint factors more influence in the implementation of 1 Student 1 Sport policy in school with a mean score at a high level ($M = 3.99$, $SD = 1.016$) compared to the constraint factor of parents having a low mean score ($M = 2.51$, $SD = 0.973$). This finding proves that the implementation of the 1 Student 1 Sports Policy in the school is greatly disturbed by the environment around the school. Meanwhile, the level of awareness of parents in guiding their children to follow the 1 Student 1 Sports Policy program is at a good level.



SENARAI KANDUNGAN

BAB	PEKARA	MUKA SURAT
	HALAMAN JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	PENGESAHAN	iii
	ABSTRAK	iv
	ABSTRACT	vi
	SENARAI KANDUNGAN	vii – ix
	SENARAI JADUAL	x
	SENARAI RAJAH	xi
	SENARAI SINGKATAN	xii

BAB 1

PENDAHULUAN


1.1 Pengenalan	1 – 3
1.2 Penyataan Masalah	3 – 4
1.3 Kepentingan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Persoalan Kajian	5 – 6
1.6 Limitasi Kajian	6
1.7 Definis Operasional	6 – 7
1.8 Rumusan	7 – 8

BAB 2
KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	9
2.2 Tinjauan Literatur	10
2.2.1 Pesepsi Guru Terhadap Pelaksanaan D1M1S Di Sekolah	10 – 11
2.2.2 Cabaran Pelaksanaan D1M1S	12 – 13





2.2.3 Faktor Kekangan Ibu Bapa	14 – 15
2.2.4 Faktor Kekangan Persekutaran Sekolah	15 – 17
2.3 Rumusan	17

METODOLOGI KAJIAN

BAB 3	3.1 Pengenalan	18
	3.2 Reka Bentuk Kajian	18 – 19
	3.3 Kerangka Konseptual	19 – 21
	3.4 Populasi dan Sampel Kajian	21
	3.5 Instrumen Kajian	21 – 22
	3.6 Kajian Rintis	22 – 23
	3.7 Prosedur Kajian	23
	3.8 Kaedah Analisis Data	23 – 24
	3.9 Rumusan	25

BAB 4

KEPUTUSAN KAJIAN

KEPUTUSAN KAJIAN	PustakaTBainun	ptbupsi
4.1 Pengenalan	26	
4.2 Bahagian A: Latar Belakang Responden	27	
4.2.1 Jantina	27	
4.2.2 Umur	28	
4.2.3 Kaum	28 – 29	
4.3 Bahagian B: Faktor Kekangan Pelaksanaan D1M1S	29 – 31	
4.3.1 Skor min dan sisihan piawai bagi faktor ibu bapa bagi pelaksanaan D1M1S	31 – 35	
4.3.2 Skor min dan sisihan piawai bagi faktor kekangan persekitaran sekolah	35 – 39	
4.3.3 Ujian – t Tak Bersandar “ <i>Independent t - test</i> ”	39 – 40	
4.3.4 Pekali korelasi “ <i>Pearson Product - Moment</i> ”	40 – 41	
4.4 Kesimpulan	41	



**BAB 5****PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN**

5.1 Pengenalan	42
5.2 Perbincangan	43
5.2.1 Kekangan Ibu Bapa	43 – 47
5.2.2 Kekangan Persekutaran Sekolah	48 – 52
5.2.3 Perbandingan diantara faktor faktor kekangan ibu bapa dan faktor kekangan persekitaran sekolah	52
5.2.4 Hubungan antara faktor kekangan ibu bapa dan faktor kekangan persekitaran sekolah	53
5.3 Cadangan	54
5.3.1 Cadangan Mengatasi Kekangan Ibu Bapa	55
5.3.2 Cadangan Mengatasi Kekangan Persekutaran Sekolah	56 – 57
5.4 Kesimpulan	58
RUJUKAN	59 – 60
LAMPIRAN	61 – 68





SENARAI JADUAL

JADUAL

MUKA SURAT

Jadual 1.1 – Persoalan Kajian dan Jenis Ujian	25
Jadual 2.1 – Responden Mengikut Jantina	26
Jadual 2.2 – Responden Mengikut Umur	27
Jadual 2.3 – Responden Mengikut Kaum	28
Jadual 3.1 – Skala Pemeringkatan Skor Min	30
Jadual 3.2 – Kekuatan Mengikut Nilai Korelasi	30
Jadual 3.3 – Faktor Kekangan Ibu Bapa	31 – 32
Jadual 3.4 – Faktor Kekangan Persekutuan Sekolah	35 – 36
Jadual 4.1 – Perbandingan antara Faktor Kekangan Ibu Bapa dan Faktor Kekangan Persekutuan Sekolah	39
Jadual 4.2 – Hubungan antara Faktor Kekangan Ibu Bapa dan Faktor Kekangan Persekutuan Sekolah	40





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xi

SENARAI RAJAH

RAJAH

MUKA SURAT

Rajah 1 – Kerangka Konseptual Kajian

23



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI SINGKATAN

JERIS	Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek & Sosial
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
D1M1S	Dasar 1 Murid 1 Sukan
SPSS	Statistical Packages For Social Science
SP	Sisihan Piawai
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pelaksanaan Dasar 1 Murid 1 Sukan (D1M1S) di sekolah merupakan satu dasar yang memberi fokus utama terhadap penglibatan murid yang kurang aktif untuk melibatkan diri dalam aktiviti sukan⁴⁸ di samping menggilap bakat murid-murid di sekolah yang berpotensi untuk dibangunkan. Dasar 1 Murid 1 Sukan (D1M1S) di sekolah telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2011 bagi melahirkan generasi masyarakat yang mengamalkan aktiviti sukan dalam kehidupan seharian. Dasar ini selaras dengan hasrat kerajaan bagi melahirkan murid yang seimbang dalam aspek akademik dan perkembangan fizikal ataupun dari segi Jasmani, Emosi, Rohani, Intelektual dan Sahsiah (JERIS). Menurut Sallis & McKenzie pada tahun 1991, di negara maju guru-guru berusaha menggunakan pelbagai cara untuk menarik minat murid dalam pengajaran mereka mengenai gaya hidup yang sihat.

Pengenalan kepada Dasar 1 Murid 1 Sukan (D1M1S) merupakan suatu agenda yang baik di sekolah kerana dapat memberikan banyak manfaat lebih – lebih lagi dapat mengatasi masalah obesiti dalam kalangan pelajar. Oleh itu, guru-guru merupakan antara penggerak kepada pelaksanaan tersebut bagi memastikan setiap pelajar dapat melibatkan diri secara aktif.





Tidak dinafikan lagi bahawa pelaksanaan D1M1S juga dilihat dapat membantu dalam membina aspek jati diri dalam kalangan pelajar di sekolah. Mohd. Faiz Mohd Yaakob (2018) menyokong pernyataan ini dengan menyatakan permainan ataupun sukan sering dikaitkan dengan pelbagai hasil pembangunan jati diri yang positif. Ini membuktikan pelaksanaan D1M1S di sekolah bukan sahaja melibatkan aspek kecergasan luaran semata-mata namun dilihat mendatangkan kesan yang ketara kepada diri pelajar untuk membentuk keperibadian, identiti, disiplin dan nilai – nilai yang diterapkan dalam kehidupan seharian. Penglibatan pelajar dalam dasar ini juga dapat mendedahkan mereka dengan banyak pekara seperti dapat meningkatkan keyakinan dalam diri, memupuk semangat bekerjasama, bersosialisasi dan sentiasa bergiat aktif bagi menambahkan lagi pengetahuan mereka. Demi sukan yang memberikan impak positif, pelaksanaanya mestilah direka dan dirancang dengan baik (Newman, 2018). Realitinya dalam konteks pendidikan di Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan dasar kurikulum menerusi Akta Pendidikan (1996). Akta kurikulum adalah sebahagian besar daripada kurikulum kebangsaan (Akta Pendidikan, 1996).

Menurut Nur Afzan Mutardza (Dewan Siswa, Ogos 2007), sukan melibatkan aktiviti fizikal yang dilakukan untuk pelbagai tujuan seperti pertandingan, keseronokan, pembangunan, kemahiran, kecemerlangan dan secara tidak langsung dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara satu sama lain. Hal ini kerana, Dasar 1 Murid 1 Sukan (D1M1S) bertujuan untuk membangunkan modal insan melalui penyertaan komprehensif pelajar-pelajar dalam aktiviti sukan sepanjang tahun untuk memupuk budaya sukan di sekolah sekaligus dapat menjadi ahli masyarakat yang mengamalkan gaya hidup sihat, bersemangat dan berdaya saing. Objektif dasar ini adalah: a) Meningkatkan kecergasan fizikal; b) Membentuk keperibadian, identiti, disiplin dan nilai murni; c) Memenuhi naluri semula jadi seorang pelajar untuk menjadi aktif secara fizikal; f) Memberikan kesinambungan antara keperluan akademik dan keperluan





fizikal; dan g) Mewujudkan platform untuk kecemerlangan sukan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011). Sememangnya aktiviti bersukan bertepatan dengan slogan badan cergas, minda cergas.

Namun, terdapat kekangan dalam pelaksanaan D1M1S di sekolah. Kekangan pelaksanaan dasar ini adalah berbeza di setiap sekolah kerana ianya bergantung kepada cara setiap sekolah dalam melaksanakan dasar ini. Permasalahan ini membuatkan insan bergelar guru sentiasa bersedia untuk segala kemudahan yang ada bagi menjayakan dasar ini dengan jayanya. Menurut Dicken Kilue & Tajul Arifin Mohamad (2017), kreativiti dan kepelbagaiannya dalam pengajaran akan berupaya memotivasi pelajar untuk berusaha menguasai sesuatu kemahiran yang dipelajari. Berdasarkan kajian lepas, kajian ini akan menjalankan kesinambungan untuk meneroka kajian tersebut dengan lebih terperinci dari sudut mengenal pasti pelaksanaan D1M1S dalam kalangan guru-guru sekolah menengah di Kluang, Johor.



1.2 Penyataan Masalah

Pelaksanaan Dasar 1 Murid 1 Sukan (D1M1S) di sekolah sering menghadapi kekangan dari segi pelaksanaannya. Terdapat pelbagai permasalahan yang dihadapi oleh guru di sekolah dalam pelaksanaan dasar tersebut yang pertama ialah permasalahan daripada kekurangan kemudahan dan peralatan sukan di sekolah. Menurut Wan Azlan Wan Ismail & Tajul Arifin Muhamad (2015) dalam kajiannya mendapati kelengkapan kemudahan asas dan peralatan sukan yang tidak mencukupi di sekolah. Kekurangan kemudahan fizikal seperti ini berpotensi untuk menghalang minat pelajar bagi mempelajari aktiviti kemahiran dalam sukan serta mengasah bakat dalam diri mereka. Kemudahan fizikal yang mencukupi pula dapat membantu keinginan pelajar untuk mempelajari aktiviti kemahiran sukan yang ingin diceburi dan kemungkinan memberikan impak yang positif terhadap pelaksanaan D1M1S.



Di samping itu, pelaksanaan D1M1S turut terhalang apabila terdapat kekangan dari segi kebimbangan ibu bapa terhadap aspek keselamatan anak – anak mereka di sekolah dan juga ibu bapa beranggapan bahawa penglibatan anak – anak mereka dalam sukan akan menyebabkan anak mereka ketinggalan dalam pelajaran di sekolah. Sudah menjadi suatu kebiasaan di mana masyarakat di negara ini sangat bimbang akan keselamatan anak – anak mereka sehingga pekerja tersebut menyebabkan anak mereka sukar untuk melibatkan diri secara aktif di sekolah. Seiring dengan kekerapan kemalangan yang tinggi dalam aktiviti sukan juga menimbulkan pelbagai komplikasi yang negatif terhadap aktiviti sukan. Komplikasi yang negatif ini menjadi kebimbangan terutama penjaga dan ibu bapa pelajar untuk membenarkan anak – anak mereka terlibat dalam aktiviti sukan dan rekreasi kerana dikhawatir mengundang risiko kecederaan (Mawarni, Mohd Sofian, Lee, Zarina & Rosli, 2006). Atas sebab itu, ibu bapa yang *paranoid* atau terlampau obses dengan keselamatan anak pula akan mengambil tindakan yang lebih ekstrim dengan tidak membenarkan anak – anak mereka menyertai sebarang aktiviti di sekolah seperti D1M1S yang dilaksanakan di sekolah.

Dalam kajian ini, pengkaji akan meninjau persepsi pelajar sains sukan SMK Kidurong Bintulu, Sarawak terhadap faktor kekangan pelaksanaan D1M1S di sekolah melalui dua faktor yang menjadi penghalang iaitu faktor kekangan daripada ibu bapa dan persekitaran sekolah. Tinjauan yang dilaksanakan ini adalah adaptasi daripada rujukan item – item soal selidik yang telah dikaji oleh Syed Kamaruzaman Syed Ali, Muhamad Akbar Zahidi Sukor Ab. Rahmat dan Wee A.S.S.L (2014).

1.3 Kepentingan Kajian

- i. Hasil kajian ini boleh digunakan sebagai rujukan pihak atasan untuk mengenal pasti langkah yang sesuai bagi melakukan persediaan yang rapi dalam pelaksanaan D1M1S di sekolah.
- ii. Guru – guru yang bertugas juga mengetahui segala permasalahan yang banyak menyumbang dalam pelaksanaan D1M1S.
- iii. Guru – guru dapat memikirkan kaedah yang terbaik dan memikirkan alternatif – alternatif yang baru bagi mengatasi kekangan dalam pelaksanaan D1M1S.

1.4 Objektif Kajian

Terdapat tiga objektif kajian dalam kajian ini iaitu:

- i. Mengenal pasti persepsi pelajar Sains Sukan SMK Kidurong Bintulu, Sarawak terhadap faktor kekangan pelaksanaan Dasar 1 Murid 1 Sukan (D1M1S) di sekolah.
- ii. Melihat perbandingan di antara faktor kekangan daripada ibu bapa dan persekitaran dalam mempengaruhi pelaksanaan Dasar 1 Murid 1 Sukan (D1M1S).
- iii. Mengenal pasti hubungan antara faktor ibu bapa dan persekitaran dalam pelaksanaan Dasar 1 Murid 1 Sukan (D1M1S).

1.5 Persoalan Kajian

- i. Apakah persepsi pelajar Sains Sukan SMK Kidurong Bintulu, Sarawak terhadap faktor kekangan pelaksanaan Dasar 1 Murid 1 Sukan (D1M1S) di sekolah?
- ii. Apakah terdapat perbandingan di antara faktor kekangan daripada ibu bapa dan persekitaran mempengaruhi pelaksanaan Dasar 1 Murid 1 Sukan (D1M1S)?

- iii. Apakah hubungan antara faktor ibu bapa dan persekitaran dalam pelaksanaan Dasar 1 Murid 1 Sukan (D1M1S) di sekolah?

1.6 Limitasi Kajian

Kajian ini menumpukan kepada persoalan yang berkaitan dengan faktor – faktor kekangan yang mempengaruhi pelaksanaan Dasar 1 Murid 1 Sukan (D1M1S) di sekolah. Skop ini dilihat kepada faktor kekangan daripada ibu bapa dan faktor kekangan daripada persekitaran sekolah. Kajian ini hanya terbatas kepada pelajar Sains Sukan SMK Kidurong Bintulu, Sarawak. Pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif untuk mendapatkan data dan maklumat dalam kajian ini. Instrumen yang digunakan ialah borang soal selidik. Hasil kajian ini sesuai digunakan bagi meninjau bagaimana persepsi pelajar dalam pelaksanaan Dasar 1 Murid 1 Sukan (D1M1S) di sekolah.

1.7 Definisi Operasional

Beberapa istilah yang sering digunakan dalam kajian ini dan definisi operasional diberi bagi mengelakkan sebarang timbulnya sebarang kekeliruan. Definisi operasional sesuai untuk memperoleh maklumat yang diperlukan oleh pengkaji.

1.7.1 Persepsi

Persepsi dimaksudkan dengan pendapat atau tanggapan seseorang individu terhadap sesuatu pekara.



1.7.2 Pelajar Sains Sukan

Pelajar sains sukan adalah merujuk kepada responden yang dipilih oleh pengkaji yang terdiri daripada pelajar sains sukan SMK Kidurong Bintulu, Sarawak.

1.7.3 Faktor Kekangan

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan istilah faktor kekangan ini disebabkan pengkaji ingin mencari punca halangan pelaksanaan Dasar 1 Murid 1 Sukan (D1M1S) di sekolah berdasarkan persepsi daripada pelajar sains sukan SMK Kidurong Bintulu, Sarawak.

1.7.4 Dasar 1 Murid 1 Sukan (D1M1S)

Merupakan dasar yang memberi fokus utama terhadap penglibatan murid yang kurang aktif untuk turut serta dalam aktiviti sukan di samping menggilap bakat murid yang berpotensi untuk dibangunkan. Dasar 1 Murid 1 Sukan (D1M1S) di sekolah telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2011 bagi melahirkan generasi masyarakat yang mengamalkan aktiviti sukan dalam kehidupan seharian.

1.8 Rumusan

Menerusi bab ini, pengkaji dapat merumuskan bahawa pelaksanaan D1M1S di sekolah banyak memberi manfaat kepada para pelajar. Hal ini kerana, pelaksanaan D1M1S di sekolah merupakan satu dasar yang memberi fokus utama terhadap penglibatan pelajar yang kurang aktif untuk melibatkan diri dalam aktiviti sukan di samping menggilap bakat murid – murid di sekolah yang berpotensi dibangunkan. Bukan itu sahaja malah pengenalan kepada D1M1S juga





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

8

merupakan agenda yang baik di sekolah kerana dapat memberikan banyak manfaat lebih – lebih lagi dapat mengatasi masalah obesiti dalam kalangan pelajar.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi